



Iklan Jawatan Kosong

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada **anak kelahiran Negeri Sembilan Darul Khusus** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon mengisi kekosongan jawatan seperti di bawah di Majlis Perbandaran Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.

1. a) Jawatan : Pemandu Kenderaan H11
- b) Kementerian/Jabatan : Majlis Perbandaran Nilai
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana
- d) Bilangan Kekosongan : 2 Kekosongan
- e) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
H11	RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

3. Elaun-Elaun :

ITKA (Imbuan Tetap Kakitangan Awam)	ITP (Imbuan Tetap Perumahan)	BSH (Bantuan Sara Hidup)
RM95.00	RM300.00	RM250.00

4. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Sijil Rendah Pelajaran (SRP) yang diiktiraf oleh kerajaan hendaklah **lulus** dalam **empat (4) mata pelajaran termasuk Matematik; atau**

.../1=

: 2 :

- b) Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diiktiraf oleh kerajaan hendaklah **memperolehi Gred 'D' dalam empat (4) mata pelajaran termasuk Matematik; atau**
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) yang diiktiraf oleh kerajaan hendaklah **memperolehi Gred 'E' dalam empat (4) mata pelajaran termasuk Matematik; dan**
- d) Hendaklah memiliki **Kepujian**(sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran(SRP) / Penilaian Menengah Rendah (PMR)/Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3); **dan**
- e) Calon perlu **memiliki lesen memandu kelas E dan PSV.**
[Gaji Permulaan Gred H11 : RM1,310.30]; **dan**
- f) Terbuka kepada **calon lelaki sahaja; dan**
- g) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai penglibatan sukan di peringkat Sekolah, IPTA/IPTS, Jabatan, Daerah, Negeri atau Kebangsaan.

(PENGUMUMAN PENTING)

Cara-Cara Memohon :

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan (M.P.N.) 1/01 yang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Nilai berharga RM1.05 (termasuk CBP 6%).
2. Borang yang **telah lengkap** diisi hendaklah **dikemukakan** bersama-sama dengan:-
 - i) Salinan MyKad dan Salinan Sijil Lahir
 - ii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah dan Salinan Lesen Memandu
 - iii) Gambar berukuran pasport (dilekatkan di muka hadapan borang)
 - iv) Salinan sijil-sijil keputusan bagi kelayakan yang disyaratkan
3. Permohonan yang berikut akan **ditolak** :-
 - i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
 - ii) tidak lengkap atau tidak terang;
 - iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iv) tidak menulis nombor MyKad dan nama jawatan yang di pohon;
 - v) tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat;
 - vi) tidak ditandatangani; dan
 - vii) permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
4. Tarikh Permohonan Dibuka : **17 Mei 2018 (Khamis)**
5. Tarikh Permohonan Ditutup : **30 Mei 2018 (Rabu)**
6. Alamat Jabatan : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Nilai
No.1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai
Peti Surat No. 52
71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus.
7. **Catatan Am (PENTING - SILA AMBIL PERHATIAN) :-**
 - a) Hanya calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal dan/atau temu duga. **Calon-calon perlu sentiasa menyemak dari semasa ke semasa panggilan Ujian Fizikal dan panggilan Temu Duga** di laman web MPN **www.mpn.gov.my**.
 - b) Sebarang tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri ujian fizikal dan temu duga kelak tidak akan ditanggung oleh MPN;
 - c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Nilai.
 - d) Semua **SALINAN SIJIL TIDAK PERLU DISAHKAN** oleh pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/Ketua Kampung/Penghulu/Pesuruhjaya Sumpah/Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri.